



KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“214 KENDERAAN KOMERSIAL DISITA DALAM TEMPOH 8 HARI SEMPENA OPS KHAS MUSIM PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2024”

BUKIT KEMUNING, SHAH ALAM, SELANGOR, 09 Februari 2024 – Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia dalam usaha untuk meminimumkan kadar kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya telah melancarkan Ops Khas Sempena Musim Perayaan Tahun Baru Cina (TBC) 2024 dan cuti persekolahan mulai **01 hingga 29 Februari 2024**. Ops Khas ini bagi memastikan syarat-syarat dan peraturan keselamatan, serta kenderaan di pandu dengan selamat berdasarkan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Kaedah - Kaedah di bawahnya.

Menerusi Ops Khas yang dilaksanakan dalam tempoh mulai **1 hingga 8 Februari 2024**, JPJ telah memeriksa sebanyak **243,257 pelbagai kenderaan**. Di mana, sejumlah **57,110 notis pelbagai kesalahan dikeluarkan**, iaitu melibatkan **23% kesalahan kegagalan mematuhi peraturan keselamatan jalan raya dikesan dilakukan**. Daripada jumlah tersebut, perincian notis adalah seperti jadual di bawah ini:

PENGELUARAN NOTIS DALAM TEMPOH 1 - 8 FEBRUARI 2024			
BAGI KENDERAAN KOMERSIAL			
BIL	PERKARA	JUMLAH	%
1	Kenderaan Diperiksa <ul style="list-style-type: none"> ▪ KPA : <u>10,468</u> ▪ KPB : <u>41,396</u> 	51,864	-
2	Kenderaan Diambil Tindakan <ul style="list-style-type: none"> ▪ KPA : <u>338</u> ▪ KPB : <u>5,965</u> 	6,303	-
3	Sitaan <ul style="list-style-type: none"> ▪ KPA : <u>14</u> ▪ KPB : <u>199</u> 	214	-
4	Saman Dikeluarkan	12,351	24%
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Teknikal ▪ Tiada Lesen Vokasional ▪ Tiada CDL ▪ LKM Tamat Tempoh ▪ Tiada Insurans / Tiada LKM ▪ Muatan Bahaya ▪ Lebih Muatan 	3,798 1,765 1,536 1,542 825 567 353	30% 14% 12% 12% 7% 5% 3%
	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesalahan Utama <ul style="list-style-type: none"> - Potong Q - Garisan Berkembar - Lampu Isyarat Merah - Lorong Kecemasan - Telefon Bimbit - Memandu Di Lorong Kanan Secara Berterusan 	260	2%

Nota : Jadual hanya data kenderaan komersial sahaja
 Kenderaan Perkhidmatan Awam (KPA) / Kenderaan Perkhidmatan Barang (KPB)

Berdasarkan pemerhatian dan analisis awal data hasil Ops Khas yang dilaksanakan dalam tempoh lapan (8) hari ini, JPJ masih mendapati tahap kesedaran dan pematuhan kepada peraturan-peraturan di bawah Akta 333, 334, 715 dan Kaedah-Kaedah, terutamanya kenderaan komersial, adalah **berada pada tahap yang masih rendah dan tidak memuaskan untuk keselamatan pengguna jalan raya**. Oleh itu, JPJ akan terus meningkatkan tindakan penguatkuasaan melalui Ops Khas ini untuk pastikan pengguna termasuk pihak syarikat, pemilik dan pemandu

kenderaan komersial supaya sentiasa mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Pada hari ini, Ops Khas bagi memantau peraturan Larangan Kenderaan Barang turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Lokman Jamaan, Pengarah Kanan Penguatkuasa, bersama YBrs. Tuan Azrin Borhan, Pengarah JPJ Selangor serta pegawai-pegawai Bahagian Penguatkuasa JPJ Malaysia dan JPJ Negeri Selangor. Ops Khas ini dilaksanakan bagi memantau pematuhan tempoh larangan pemanduan kenderaan barang seperti **LAMPIRAN I**. Oleh itu, adalah ditegaskan supaya pengendali kenderaan komersial meningkatkan lagi tahap kawal selia keselamatan operasi kenderaan komersial bagi memastikan ekosistem jalan raya sentiasa selamat kepada pengguna jalan raya yang lain.

Justeru, bagi meminimumkan kadar kemalangan dan kematian di musim perayaan, khususnya sempena TBC 2024 dan cuti persekolahan ini, JPJ memohon kerjasama orang ramai untuk meningkatkan tahap pematuhan khususnya memastikan sembilan (9) kesalahan utama bagi mengelakkan kemalangan dan kematian akibat naas jalan raya seperti berikut:

- (1) Memandu Melebihi Had Laju
- (2) Melanggar Lampu Isyarat Merah
- (3) Memotong Di Garisan Berkembar
- (4) Memandu Di Lorong Kecemasan
- (5) Memotong Barisan
- (6) Menggunakan Telefon Bimbit
- (7) Tidak Pakai Tali Pinggang / Topi Keledar
- (8) Memandu Kenderaan Berat Di Lorong Laju
- (9) Membawa Lebih Muatan

JPJ memandang serius dan tidak akan berkompromi dengan pihak syarikat, pemilik dan pemandu termasuk mana-mana pengguna jalan raya yang masih tegar melanggar undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Penguatkuasaan dan tindakan tegas akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan ekosistem pembudayaan keselamatan jalan raya yang lebih selamat kepada semua pengguna.

JPJ dengan matlamat untuk melandai statistik kemalangan dan kematian akibat nahas jalan raya, menyeru dan memohon kerjasama kepada pengguna jalan raya dan orang awam untuk bersama melaksanakan aspirasi **MALAYSIA MADANI** melalui **Perkongsian Tanggungjawab Bersama** dengan mengambil langkah mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya serta bertoleransi bersama pengguna jalan raya yang lain demi keutamaan keselamatan diri dan keluarga ketika di jalan raya serta melaporkan aduan secara terus atau *real time* dengan menggunakan **Aplikasi MyJPJ e-aduan@jpj atau emel aduantrafik@jpj.gov.my** beserta dengan butiran lengkap aduan. **“Pandu Cermat, Sampai Selamat”.**

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

09 FEBRUARI 2024

[TAMAT]

LAMPIRAN I

JADUAL LARANGAN PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA (TBC) 2024 8 & 9 DAN 12 & 13 FEBRUARI 2024

KATEGORI	JENIS KENDERAAN BARANGAN YANG TERLIBAT	MASA LARANGAN
Kategori 1	1.1 Lori pengangkut kenderaan (<i>car carrier</i>) dan lori jongket (<i>tipper/dumper/tipping</i>) yang berat dengan muatannya melebihi 7,500 kg dan mempunyai Lesen Pengendali, lori pengangkut rendah, <i>pole trailer</i> , lori tangki simen (<i>bulk cement tanker</i>), <i>platform trailer</i> , lori balak, jentera berat beroda dan traktor 1.2 Lori pengangkut barang simen, besi keluli, batu, pasir, tanah, bahan binaan yang lain, amang, bijih timah, arang batu dan bahan galian yang lain	Sepanjang masa
Kategori 2	2.1 Lori kontena yang mengangkut barang.(kecuali lori kontena yang mengangkut barang dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan industri dalam negeri yang sama dan sebaliknya); 2.2 Lori mengangkut barang elektronik atau elektrik atau bahan industri (barang berasaskan kimia, sawit dan getah) dari pelabuhan atau lapangan terbang ke kawasan industri dalam negeri dan sebaliknya; 2.3 Lori mengangkut barang pengeluaran hasil sawit dan getah dari ladang ke kawasan industri; 2.4 Lori Kargo tanpa muatan.	12.00 tengah malam hingga 8.00 pagi
Kategori 3	3.1 Kren bergerak dan lori pembancuh simen	6.00 petang hingga 6.00 pagi dalam jarak 25 km dari tapak pembinaan tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu

1. Jentera berat beroda, kren bergerak dan trak tunda adalah diberi pengecualian melaksanakan kerja-kerja kecemasan.
2. Mana-mana kenderaan barangan atau dengan jenis barangan yang tidak dinyatakan dalam jadual adalah dibenarkan menggunakan kenderaan dalam tempoh larangan.